

Kerangka Pemikiran Fiqah Ahli Sunnah Wal Jamaah

ASMADI MOHAMED NAIM

Profesor Syariah dan Kewangan Islam
Universiti Utara Malaysia

Pengenalan

Cabaran ke atas Ahlussunnah wal Jamaah (ASWJ) sentiasa berterusan pada berbagai sudut sama ada akidah, fiqh, akhlak, politik, budaya, sosial, ekonomi dan lain-lain. Dalam berhadapan dengan cabaran-cabaran ini, kertas ini cuba untuk melihat kerangka pemikiran fiqh ASWJ daripada beberapa sudut dan cabaran yang mendepaninya.

Definisi

Berikut ialah definisi ringkas terhadap tajuk kertas:

Definisi Kerangka Pemikiran

Kerangka menurut Bahasa Melayu ialah garis kasar atau rangka untuk karangan, lukisan dan lain-lain. Perkataan ini bersinonim dengan draf, rangka, konsep, lakaran, garis kasar, manakala makna pemikiran ialah cara atau hal memikirkan sesuatu.

Kerangka pemikiran yang dimaksudkan oleh kertas ini lebih bersifat maknanya mengikut Bahasa. Definisi ini bukanlah definisi kerangka pemikiran yang biasa disebut dalam kajian-kajian akademik sebagai kerangka kajian (research framework). Namun ia adalah himpunan cara berfikir, penyelesaian dan cabaran yang dihadapi oleh fiqh ini.

Definisi Fiqh atau Fiqah

Setiap perbuatan yang terbit daripada mukallaf adalah tertakluk kepada hukum yang tertentu. Hukum tersebut diketahui melalui nas-nas yang menerangkan kedudukan sesuatu perbuatan, atau melalui isyarat-isyarat yang didapati daripada Syariat Islam yang menjadi tugas mujtahid untuk menganalisisnya.

Jadi, hukum hakam tersebut, ada yang diterangkan secara langsung daripada penerangan al-Quran dan al-Sunnah, dan ada yang diistinbatkan melalui isyarat-isyarat atau kaedah-kaedah yang difahami oleh seseorang mujtahid. Hukum-hukum sebegini disebut sebagai fiqh atau fikah atau fiqh.

Justeru, ulama mendefinisikan fiqh sebagaimana definisi Shaykh Abdul Wahhab Khalaf (w1959M) ialah:

هو العلم بالأحكام الشرعية العلمية المكتسب من أدلتها التفصيلية، أو هو مجموعة الأحكام الشرعية العلمية المستفادة من أدلتها التفصيلية.

Ertinya: Ilmu berkaitan dengan hukum hukum syarak yang amali, yang mana ilmu ini diperolehi daripada dalil-dalil terperinci, atau kumpulan hukum-hukum Syarak amali yang diperolehi daripada dalil-dalil terperinci (tafsili).

Ahlussunnah wal Jamaah (ASWJ)

Imam al-Baghdadi (wafat 429H) Rahimahullah mendefinisikan Ahlusunnah wal Jamaah (ASWJ) dengan menyatakan:

"Maka golongan yang ke 73 ialah Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu golongan ahl al-ra'y (Ibu Hanifah dan murid-muridnya) dan ahlu al-hadis; bukan mereka yang mempermain-mainkan hadis; dan ulama fekah mereka, penghafal al-Quran mereka, perawi hadis dari mereka, dan mutakallimun ahli hadis di kalangan mereka, semuanya sepakat atas keesaan pencipta, keesaan sifat-sifatNya, keadilanNya, hikmahNya, dan nama-namaNya dan pada bab kenabian dan kepimpinan, hukum hudud, dan pada perkara usuluddin."

Berkata Imam al-Subki Rahimahullah (w771H):

وهؤلاء الحنفية والشافعية والمالكية وفضلاء الحنابلة في العقائد يد واحدة كلهم على رأي أهل السنة والجماعة يدينون لله تعالى بطريق شيخ أهل السنة أبي الحسن الأشعري.....وبالجملة: عقيدة الأشعري هي ما تضمنته عقيدة أبي جعفر الطحاوي التي تلقاها علماء المذاهب بالقبول ورضوها عقيدة.

Bererti: Dan mereka iaitu Hanafiyah, Shafi'iyah, Malikiyyah dan tokoh-tokoh Hanabilah pada aqidah adalah bersatu di atas satu pandangan Ahlussunnah wa al-Jamaan beriman dengan Allah Taala atas jalan Sheikh Ahlussunnah Abu Hasan alAsh'ari..... secara umumnya aqidah al-Ash'ari ialah aqidah yang terkandung dalam aqidah Abu Jaafar al-Tahawi yang diterima oleh ulama-ulama mazhab dan redha sebagai aqidah.

Berkata juga al-'Allamah Ibn Abidin Rahimahullah (w1252H):

قوله (عن معتقدنا) أي عما نعتقد من غير المسائل الفرعية مما جيب اعتقاده على كل مكلف بلا تقليد أحد، وهو ما عليه أهل السنة والجماعة وهم الأشاعرة والماتريدية، وهم متوافقون إلا في مسائل يسيرة أرجعها بعضهم إلى الخلاف اللفظي كما بين في محله.

Bererti: Iaitu pada apa yang kami beriktikad pada bukan masalah-masalah cabang (iaitu pada masalah aqidah), daripada perkara yang wajib beriktikad oleh setiap mukallaf tanpa taklid seseorang, ialah atas jalan ahlussunnah wa al-jamaah, dan mereka ialah al-Asha'rah dan al-maturidiyyah. Dan mereka adalah sama pandangan kecuali pada beberapa perkara kecil yang dirujuk oleh sebahagian mereka sebagai khilaf lafzi sahaja sebagaimana mereka menerangkannya di tempat perbicangannya.

Oleh sebab itu, Imam Muhammad bin Muhammad al-Husaini al-Zabidi berkata:

إذا اطلق أهل السنة فالمراد بهم الأشاعرة والماتريديّة، قال الخيالي في حاشيته على شرح العقائد: الأشاعرة هم أهل السنة والجماعة، وهذا هو مشهور في ديار خراسان، والعراق، والشام، وأكثر الأقطار وفي ديار ما وراء النهر.

Bermaksud: Apabila diitlaq Ahlussunnah (tanpa di sandarkan dengan apa-apa nama), dikehendakk dengannya al-'Ashairah dan al-Maturidiyyah.

Oleh itu, artikel ini menggunakan istilah Ahlussunnah wal Jamaah atau ASWJ untuk membincangkan aliran pemikiran fiqh al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah.

Pemikiran *fiqh* ASWJ

Perbincangan fiqh tidak lepas daripada beberapa bentuk perbincangan iaitu:

- a. Perbincangan tentang lima hukum iaitu wajib, mustahab, harus, haram dan makruh.

Hukum wajib ialah amalan wajib tuntutan Syarak yang mesti dilakukan oleh mukallaf yang mana melakukannya berpahala dan meninggalkannya berdosa. Mustahab atau sunat ialah amalan yang digalakkan oleh Syarak untuk dilaksanakan yang mana perlakunya mendapat pahala bila melaksanakannya, namun tidak berdosa jika meninggalkannya. Jadi tajuk perbincangan fiqh tidak lepas daripada hukum hakam ini.

- b. Perbincangan berkait thawabit dan mutaghayyirat.

Thawabit ialah perkara-perkara tetap yang tidak berubah. Ia merupakan perkara yang berkait dengan perkara al-umur al-maklumah min al-din biddarurah (perkara dasar berkaitan agama) seperti kewajipan solat, haji, puasa, zakat dan hukum hakam lain yang berkaitan perkara tersebut.

Mutaghayyirat ialah perkara yang boleh berubah-ubah bersesuaian dengan zaman dan tempat.

- c. Perbincangan perkara qat'iyyat dan zanniyyat

Perbincangan hukum hakam Syarak juga ada yang berbentuk qat'iyyat dan zanniyyat. Qat'iyyat bererti perkara yang penurunan sabit secara putus (qat'ie) dan dilalah atau pengertian lafaznya adalah jelas. Keengkaran terhadap hukum-hukum qat'ie boleh merosakkan iman, manakala keengkaran terhadap hukum-hukum zanniyyat akan menyebabkan seseorang itu fasik.

- d. Perkara haq (benar) boleh muta'addid (berbilang)

Perkara yang benar tidak semestinya satu. Al-haq atau benar boleh berbilang-bilang. Justeru, boleh terjadi terdapat dua atau lebih perkara yang benar dalam sesuatu perkara. Ini berbeza dengan pandangan yang hanya merasakan dirinya yang benar.

Sumber Hukum

Penentuan sumber hukum kepada hukum-hukum Syarak merupakan antara pembeza utama pemikiran ahlussunnah wal Jammah. Justeru, sepakat ulama ASWJ, sumber hukum yang

utama ialah al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas walau selepasnya mereka berbeza pandangan mengenai sumber-sumber sekunder yang lain seperti istihsan, qaul sahabi, istishab, masalah mursalah, amal ahli Madinah dan lain-lain.

Berkata Syakh Abdul Wahhab Khalaf dalam kitabnya:

وقد ثبت للعلماء بالاستقراء أن الأدلة التي تستفاد منها الأحكام الشرعية للعملية ترجع إلى أربعة: القرآن والسنة والاجماع والقياس وأن أساس هذه الأدلة والمصدر الأول منها هو القرآن، ثم السنة التي فسرت مجمله، وخصت عامه، وقيدت مطلقه، وكانت تبيانا له وتاماً.

Bererti: Telah sabit secara istiqra oleh ulama ulama bahawasanya dalil-dalil yang menjadi sumber hukum amali adalah kembali kepada empat sumber iaitu al-Quran, alsunnah, al-Ijmak, al-Qiyas. Dasar dalil-dalil ini sebenarnya al-Quran, kemudiannya al-Sunnah yang mensyarahkan mujmalnya, dan mentakhsiskan yang umum, dan yang mentaqyid yang mutlak, dan ia adalah penerang dan penyempurna untuknya.

Berbeza dengan Syiah, kita tidak mengiktiraf pandangan Imam-imam setara dengan alsunnah, atau kita tidak mengiktiraf kemutlakan pandangan imam-imam atau tidak mengiktiraf kemaksuman pandangan tersebut.

Isu-Isu Politik

Al-Imamah ialah pengganti nubuwwah ialah satu bidang untuk menjaga agama dan mengurus dunia yang wajib dipikul oleh ummah. Beberapa perkara berkaitan politik yang diwacanakan oleh ulama ASWJ di sudut politik:

a. Kedudukan imamah al-afdhal dan al-mafdhul dan keharusannya.

Walau perbezaan pandangan mengenai imamah afdhal dengan majoriti ulama ASWJ berpegang kepada keafdhalan Sayyidina Abu Bakar RA berbanding Sayyidina Ali Karamallahu wajhah, namun pandangan minoriti yang berpandangan sebaliknya di kalangan ulama ASWJ ahlul Bait tidak mengeluarkan mereka daripada kerangka ASWJ.

Namun, pegangan ini berbeza apabila mereka menafikan kekhalifahan Sayyidina Abu Bakar dan pengkafiran sahabat - sahabat utama menjadikan mereka keluar daripada kerangka pemikiran ASWJ.

b. Membiarkan pertelingkahan politik generasi para sahabat sebagai ikhtilaf sesama mujtahid di bawah prinsip:

إذا اجتهد الحاكم فأصاب فله أجران وإن أخطأ فله أجر

Ertinya: Jika seseorang hakim berjihad dan benar ijihadnya, untuknya dua pahala. Jika salah, untuknya satu pahala.

Kebanyakan ulama ahlussunnah meletakkan isu ini isu yang telah terjadi tanpa kita menjadi hakim siapa benar dan siapa salah. Di atas prinsip mereka adalah generasi terbaik, benar mereka membawa dua pahala, dan salah mereka membawa satu pahala.

c. Politik ialah isu ijihadi dalam agama.

ASWJ memandang isu-isu politik adalah perkara ijihadi khususnya isu istikhlaf bermula daripada siapa yang layak atau bagaimana cara perlantikan. Namun berbeza dengan golongan Syiah mengangap ianya sebagai isu aqidah.

d. Kurang penulisan politik

Secara umumnya, politik adalah isu yang panas zaman berzaman. Sejarah membuktikan bahawa kurang penulisan politik di kalangan ulama ASWJ kerana sensitifnya bidang ini.

Isu Taklid dan Cabaran

Imam al-Mahalli (w864H) menaqqalkan definisi taklid Imam al-Juwaini sebagai:

والتقليد قبول قول القائل بلا حجة يذكرها.

Ertinya: Menerima pandangan seseorang tanpa hujah yang disandarkan.

Berkata Imam Ghazali (w505) tentang kedudukan orang awam dan taklid:

إِجْمَاعُ الصَّحَابَةِ فَإِنَّهُمْ كَانُوا يُفْتُونَ الْعَوَامَ وَلَا يَأْمُرُونَهُمْ بِئِيلِ دَرَجَةِ الاجْتِهَادِ

Ertinya: Ijmak sahabat yang mereka berfatwa kepada orang awam tanpa mengarahkan mereka mencapai tahap seorang mujtahid.

Al-Mahalli menjelaskan kedudukan orang awam ialah bertaklid kepada orang alim:

لا يَتَخَيَّرُ الْعَامِّي بَيْنَ الْمُفْتَيْنِ فَيَقْلُدُ مَنْ شَاءَ مِنْهُمْ، بَلْ يَلْزِمُهُ الاجْتِهَادُ فِي أَعْيَانِ الْمُفْتَيْنِ الْأَدِينِ وَالْأَوْرَعِ، وَمَنْ يُشَارُ إِلَيْهِ أَنَّهُ الْأَعْلَمُ، ذَكَرَهُ أَحْمَدُ، وَهُوَ قَوْلُ ابْنِ سُرَيْجٍ وَالْقَفَالِ مِنْ أَصْحَابِ الشَّافِعِيِّ، وَجَمَاعَةِ مِنَ الْفُقَهَاءِ وَالْأَصُولِيِّينَ.

Ertinya: Orang awam tidak boleh memilih milih alim-alim untuk bertaklid sesiapa yang dia suka, sebaliknya hendaklah dia memilih mufti yang lebih kuat agamanya dan waraknya atau mengikut seseorang yang ditunjukkan kepadanya sebagai lebih berpengetahuan.

Pada masa yang sama, bolehkah seorang alim bertaklid dengan seorang lain yang alim. Ibn 'Aqil RH (w513H) ulama Usul Hanbali menghuraikan beberapa pegangan ulama:

- a. Tidak boleh seorang alim bertaklid alim yang lain. Ini adalah Ini dinyatakan oleh Ahmad (Imam Ahmad bin Hanbal), Ishaq, Syafie. Perkara sama disebut oleh al-Amidi.
- b. Boleh bertaklid dengan orang alim yang lain. Ini adalah pandangan Abu Hanifah dan Muhammad. Namun Muhammad mensyaratkan orang alim tadi lebih alim daripada orang yang bertanya. Ibn Suraij mensyaratkan ketiadaan masa.

Walau begitu keadaan hukum bertaklid di kalangan ulama dan orang awam, pemikiran ulama ASWJ tidak mengambil nas-nas Usuli secara harfiah. Pembentukan empayar Islam Uthmaniah tetap menjadikan orang awam tidak memilih sesuka hati dan penyusunan perundangan mengambil kira pandangan Hanafiah dengan mengambil kira juga kebebasan mengamalkan mazhab lain oleh masyarakat setempat. Bahkan perlantikan mufti-mufti adalah bermazhab Hanafi. Perkara tersebut juga berlaku pada negara-negara Islam masa kini.

Fanatik dan Taasub

Fanatik dalam Kamus Bahasa Melayu ialah sikap melampaui batas atau sangat keterlaluan (dalam segala tingkahlaku yang melibatkan sikap, perbuatan) pada sesuatu pegangan atau pendirian. Ia juga bermaksud taasub, tegar hati, kuat pegangan, kuat keyakinan dan kuat

kepercayaan. Kebiasaannya ia berkaitan dengan keagamaan, adat resam dan sebagainya. Manakala fanatisme difahami sebagai keyakinan tertinggi pada kepercayaan yang dianuti sehingga menjadi sangat kuat pegangannya.

Fanatik juga didefinisikan sebagai seorang yang menunjukkan keghairahan yang melampau dan kegigihan terhadap ketaatan membabi buta khususnya terhadap beberapa perkara kontroversi (sebagaimana dalam agama, politik atau falsafah).

Biasanya seseorang itu menyeru terhadap pegangannya secara bersemangat dan ia adalah suatu desakan tanpa alasan dan tanpa tolak-ansur.

A.S. Hornby (2000) mengatakan bahawa fanatik ialah orang yang terlalu ghairah dengan sesuatu terutama sekali agama atau politik.

Dalam pada itu, fanatik menurut Syeikh Mustafa al-Ghalayini (1996) ialah mengikut atau memegang teguh sesuatu hal, baik berupa ajaran, mazhab dan lain-lain.

Fanatisme diperjelaskan sebagai satu ketaatan membabi buta, atau satu kepercayaan yang rigid terhadap kepercayaan-kepercayaan yang bersifat ekstrim.

Terdapat beberapa kesimpulan dari takrifan-takrifan di atas.

- a. Para sarjana menggunakan perkataan 'fanatik' sebagai sesuatu yang negatif. Ia bersifat melampau, membabi buta tanpa pemikiran yang sihat.
- b. Sebahagian sarjana mengkhususkan fanatik pada agama, politik atau falsafah. Manakala sebahagian lagi menggunakannya secara umum dalam semua bidang kehidupan, contohnya seseorang boleh menjadi fanatik dalam bidang hiburan, peribadi dan sukan.
- c. Istilah fanatisme tidak ditakrifkan dengan sesuatu yang negatif oleh kebanyakan sarjana. Ia dikaitkan dengan kepercayaan yang sangat kuat, atau pendirian yang sangat teguh. Walaupun begitu, terdapat sarjana barat yang mendefinisikannya dengan suatu takrifan negatif iaitu ketaatan dan kepercayaan membabi buta dan rigid.

Hakikatnya, fanatik adalah suatu isu yang bersifat global. Para sarjana memperkatakannya dari perspektif yang berbeza-beza. Fanatik tidak sahaja dalam aspek agama, politik atau falsafah malah fanatik juga terjadi dalam aspek hiburan, sukan dan sebagainya. Dunia moden membuktikan bagaimana seseorang sanggup bergadai nyawa untuk menceburi bidang sukan merbahaya yang diminati.

Setengah penulis mengatakan taksub atau fanatik sebagai sikap manakala ekstrim adalah tindakan atau perbuatan dari sikap fanatik tersebut (Mustafa Suhaimi, 2000: 51)

Syeikh Mustafa al-Ghalayini (1996) pula membahagikan fanatik kepada dua jenis.

- a. Pertama, jenis yang menggunakan cara berfikir yang sihat dan tidak berlebih-lebihan.
- b. Keduanya ialah satu pendirian yang membabi-butu iaitu tanpa menggunakan akal fikiran yang waras dan benar, sehingga mengakibatkan enggan menerima selain apa yang sudah difanatikkan itu.

Ulama ASWJ berdepan dengan kedua-dua ujian sama ada ketaksuban mazhab, atau kelonggaran mazhab. Sejarah tarikh tasyri' Islami memaparkan bagaimana era perkembangan fiqh sehingga wujudnya madrasah-madrasah fiqh atau mazhab. Perkembangan tersebut boleh dibahagi kepada beberapa peringkat, peringkat imamimam

mazhab, peringkat pembinaan dan perkembangan mazhab dan pertentangan antara mazhab-mazhab fiqh Sunni. Shaykh Ali Jumaah menyebut:

الدور الثالث - عصر التقليد . يبدأ هذا الدور من منتصف القرن الرابع إلى سقوط بغداد سنة (٦٥٦ هـ) ، وهو دور ركود الفقه. فقد جنح الفقهاء إلى التقليد

Ertinya: Era ketiga ialah era taklid. Bermula era ini pada pertengahan kurun ke empat Hijri sehinga jatuhnya kota Baghdad pada tahun 656 H yang merupakan zaman fiqh tidak berkembang. Ramai fuqaha cenderung ke arah taklid.

Zaman mutakhirin selepas tujuh ratus tahun hijrah, menjelaskan zaman bagaimana ulama-ulama mengambil pendekatan gabungan manhaj-manhaj mazhab yang kita dapat lihat menerusi penulisan kitab-kitab usul fiqh di kalangan ulama mutaakhirin.

Shaykh Ali Jumaah kemudiannya menyatakan:

الدور الرابع - العصر الحديث :وفي هذا الدور الذي يبدأ من سقوط بغداد في القرن السابع الهجري، ويمتد إلى وقتنا الحاضر، لم ينهض الفقه من كبوته ولم يغري الفقهاء نهجهم، فالتقليد قد شاع حتى صار أمرًا مألوفًا، إلا أنه قد وجد أفراد هناك لم يرضوا بالتقليد، ونادوا بالأجتهد المطلق، وتلمس الأحكام من الكتاب والسنة، دون تقييد بمذهب معين، إلا أن هؤلاء كانوا قلة، ولم يسلم بعضهم من النقد والإنكار من جمهور الفقهاء المقلدين

Bererti: Era ke empat iaitu zaman sekarang bermula daripada kejatuhan Baghdad pada kurun ke 7 Hijrah sehingga ke zaman kita. Fiqh belum bangkit daripada perangkapnya dan fuqaha belum mengubah metodologi mereka. Taklid terus berkembang sehingga menjadi satu fenomena yang biasa, kecuali terdapat individu individu di sini dan di sana yang tidak redha dengan taklid, bahkan menyeru kepada ijihad mutlak, mengelurakan hukum daripada al-Quran dan al-Sunnah tanpa terinkat dengan mazhab dan bilangan mereka sedikit dan mereka berdepan dengan kritikan dan bantahan daripada kebanyakan fuqaha yang bertaklid.

Seruan supaya daripada keluar daripada *taasub* mazhabi sentiasa ada termasuk daripada aliran ASWJ.

Isu Isu Tajdid, Islah dan Liberal

Apabila runtuhnya kerajaan Uthmaniah, negara negara Islam semakin terikat dengan negara-negara Barat. Dunia Islam menyaksikan negara-negara Islam terkebelakang dan ketinggalan dalam arus perkembangan permodenan.

Slogan pembaharuan yang berdiri di atas hadis sahih:

إن الله يبعث لهذه الأمة على رأس كل مائة سنة من يجدد لها دينها

Ertinya: Sesungguhnya Allah mengutuskan untuk ummah ini setiap awal kurun seseorang yang memperbaharui untuknya agama mereka.

Cabarannya pada permasalahan ini ialah untuk kita mengenali *tajdid* atau *islah* yang hakiki. *Tajdid* dan para *Mujaddid*, iaitu mereka yang memikul amanah tugas ini, adalah sangat mulia dan terpuji kedudukannya dalam Islam jika betul fahamnya dan kena tempatnya. Walaupun begitu, tanpa kerangka faham yang betul, orang awam sukar hendak

membezakan antara yang hakiki dan palsu kerana kedua-duanya menggunakan ayat al-Quran dan hadis dalam penghujahan mereka. Para *Mujaddid* hakiki daripada generasi terawal bukannya mengubah isi dan hakikat Islam yang telah dilaksanakan tetapi sebaliknya menyusun semula, memperkemas istilah, menghuraikan ajaran Islam. Tindakan mereka tidak lari dari kerangka dan isi asal Islam. Selebihnya mereka berperanan memurnikan kefahaman dan penghayatan umat di zaman mereka terhadap ajaran dan prinsip Islam.

Para *mujaddidun* sebagai contoh Khalifah Umar bin Abdul Aziz (61-101H) telah muncul sebagai model yang hidup ketaqwaan, keikhlasan, amanah dan zuhud, setelah nilai-nilai ini dikelabui pemerintahan sebelum beliau. Beliau turut memurnikan kembali fahaman dan aqidah umat antaranya dengan menghentikan amalan menghina dan merendahkan Saidina Ali dan Ahlul Bayt termasuk dalam khutbah-khutbah. Beliau juga mengasaskan dan menggalakkan usaha menghimpunkan hadis-hadis Nabi SAW. Zaman beliau turut dicorakkan kehadiran tokoh-tokoh ulama *Tabiin* seperti Imam al-Hasan al-Basri (21-101H) yang muncul sebagai antara penjaga aqidah dan akhlak umat serta merupakan antara Imam pengasas cabang ilmu akhlak dan keruhanian tasawwuf dalam Islam. Zaman berikutnya, menyaksikan kemunculan Imam-imam Mazhab fiqh, Imam Abu Hanifah (80-150H), Imam Malik (94-179H), Imam al-Shafi'i (150-204H), Imam Ahmad bin Hanbal (164-241H), yang akhirnya mengasaskan sistem Syariah dan hukum-hakam yang tersusun dan kemas. Suatu struktur *fiqh* yang bersifat kepelbagaian dalam kesatuan yang harmoni.

Apabila umat Islam diuji dengan pelbagai fahaman dan aqidah yang menyesatkan, muncullah Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari (260-324H) memurnikan fahaman dan menyusun kaedah-kaedah aqidah Islam. Tugas yang hampir sama ditunaikan kemudiannya dengan penuh amanah oleh al-Imam al-Ghazali (450-505H) yang turut meninggalkan sumbangan penting dalam perkembangan cabang-cabang ilmu Tasawwuf, Usul al-Fiqh dan Fiqh. Di era yang sama muncul tokoh keruhanian tasawwuf-tarikat, Syeikh 'Abd Qadir al-Jilani (470-561H) yang menyambung usaha Imam al-Ghazali di bidang ini dan menyusun pendekatan keruhanian yang lebih khusus. Kesan dan keberkatan usaha pemurnian Aqidah-Shariah-Akhlak generasi al-Ghazali dan al-Jilani ini akhirnya memungkinkan kemunculan *Mujaddid Mujtahid*, Sultan Salahuddin al-Ayyubi (w.589H) dan generasinya yang telah berjaya mengembalikan al-Aqsa ke tangan umat Islam.

Lahir di kurun yang lepas di kalangan aliran ASWJ juga yang menyeru kepada pembaharuan. Bahkan muncul perbagai pergerakan Islam yang menyeru ke aras ini di atas slogan *tajdid* dan *islah*.

Gerakan Ikhwanul Muslimin di Mesir yang bermula dengan pendekatan al-Syahid Hasan al-Banna kemudiannya boleh berubah dengan pendekatan dan aliran berbeza yang menyerap masuk dalam gerakan tersebut.

Sebahagian cendekiawan yang digolongkan sebagai ulama ASWJ juga tidak lepas daripada mendokong agenda "reformasi barat". Syeikh Muhammad Abduh yang merupakan Sheikhul Azhar mempunyai penulisan kitab ASWJ, namun pemikiran beliau menyeru kepada permodenan barat dan keterbukaan tanpa terikat dengan mazhab.

Bahkan selain daripada itu, terdapat juga di kalangan NGO – NGO ASWJ cenderung kepada pemikiran liberal barat dalam pendekatan *fiqh* mereka.

Kesimpulan

Pemikiran *fiqah* ASWJ mempunyai kerangka pemikiran yang jelas dalam menjaga *thawabit* dan *qat'iyat*, dan bersikap terbuka terhadap perkata *mutaghayyirat* dan *zanniyat* dalam berhadapan perkembangan masa dan tempat. Pada masa yang sama, ia turut berdepan dengan cabaran semasa antara menjaga keaslian mazhab-mazhab dan seruan supaya lebih terbuka dan mengambil manfaat secara lebih luas dalam *ijtihad*.

Pada masa yang sama, aliran ini sentiasa juga berhadapan dengan cabaran pemikiran lain yang mahu Islam itu dilihat lebih liberal dan menjadikan tafsiran barat sebagai asas keterbukaan tersebut.

Wallahu ta'ala a'lam.